

Kilang logam cemar diarah tutup serta-merta

[Nuraliawati Sabri](#) - Mac 23, 2022 @ 2:18pm



Zaidi (kanan) melihat jongkong aluminium dihasilkan di sebuah kilang di Taman Teknologi Cheng. Kilang berkenaan diarah tutup serta-merta kerana menjalankan aktiviti mencemarkan alam sekitar selain beroperasi tanpa kelulusan penilaian impak alam sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka. – BERNAMA

MELAKA: Sebuah kilang memproses logam di Taman Teknologi Cheng di sini, diarah tutup serta-merta selepas didapati melakukan pelbagai kesalahan pencemaran alam sekitar.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Zaidi Attan, berkata kilang yang dibuka sejak 2016 itu dan turut menjalankan aktiviti kitar semula, dikesan beroperasi tanpa kelulusan penilaian impak alam sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Aktiviti di kilang berkenaan dikesan melepaskan udara tercemar yang hitam dan berbau sehingga membahayakan orang awam. Tahun lalu, JAS negeri beberapa kali mengambil tindakan ke atas kilang terbabit susulan aduan diterima, termasuk satu aduan awam melalui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 21 September 2021.

"Aduan terkini terima JAS pada 16 Februari lalu, menjadikan empat aduan keseluruhan diterima sehingga kini berkaitan operasi premis itu. Sebelum ini tindakan sudah diambil dan kilang itu diminta menghentikan sementara operasi, namun kita syaki terdapat unsur-unsur pelanggaran dan ia masih beroperasi.

"Jadi, tindakan pemotongan elektrik diambil serta penutupan serta-merta dilakukan. Kita juga meminta lesen kilang itu ditarik Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)," katanya pada sidang media selepas operasi di kilang terbabit yang turut disertai Pengarah JAS Melaka, Rosli Osman, hari ini.

Tindakan pemotongan bekalan elektrik itu diambil JAS dengan bantuan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam operasi khas di premis berkenaan, kira-kira jam 10.30 pagi.

Zaidi berkata, selain disyaki beroperasi dua kali ganda daripada kapasiti dibenarkan, semakan turut mendapati kilang itu sudah diperiksa sebanyak 20 kali oleh JAS sejak ia beroperasi.

"Malah tindakan penguatkuasaan juga diambil JAS dengan mengeluarkan 23 kompaun dan sembilan notis arahan, selain satu notis Penahan Operasi Kelengkapan (POK) alat pembakaran bahan api, namun didapati pihak premis melanggar perintah itu," katanya.

Katanya, JAS kini dalam proses menyediakan tiga kertas siasatan, antaranya membabitkan kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 serta satu Permohonan Perintah Larangan Operasi ke atas premis terbabit.